

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR : SINAR HARIAN (Johor)

TARIKH: 11 FEBRUARI 2018

M/S : 46

Tun M hipokrit: Hishammuddin

KLUANG - Rancangan Tun Dr Mahathir Mohamad yang didakwa mahu mengetuai delegasi pembangkang ke Amerika Syarikat dalam usaha menggulingkan pentadbiran Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak digambarkan sebagai hipokrit.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, ia berbeza ketika Tun Mahathir menjadi perdana menteri dan ia merupakan satu kepantangan bagi beliau.

"Saya tengok dulu masa Tun M jadi perdana menteri, benda-benda macam ni dia selalu pantang. Masa tu saya Ketua Pemuda, saya tengok bila dia memimpin dan mereka tuduh pembangkang menjual maruah, menggadai kedaulatan dan cuba meraih simpati kuasa lain.

"Tetapi sekarang ini lain pula. Jadi orang dapat lihat hipokrasi beliau sekarang dan apa Mahathir sanggup lakukan bila matlamat

menghalalkan cara. Cakap tak serupa bikin," katanya selepas melancarkan Agenda Pembangunan Perumahan Sembrong (APPS) di Felcra Sungai 10, Paloh, dekat sini, semalam.

Hadir sama dalam majlis berkenaan, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar; Exco Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Md Jais Sarday dan Adun Kahang, R Vidyantanthan.

Hishammuddin yang

juga Menteri Pertahanan berkata demikian ketika mengulas dakwaan bekas Naib Pengerusi DAP, Tunku Abdul Aziz Tunku Ibrahim mengenai rancangan pembangkang itu.

Kelmarin, Tunku Abdul Aziz mendakwa pertemuan dengan ahli politik Amerika Syarikat yang dijangka berlangsung pada 20 Februari itu, bertujuan mahu mendapatkan sokongan dan pertolongan untuk Tun M menjadi perdana menteri.



Hishammuddin ketika hadir merasmikan Agenda Pembangunan Perumahan Sembrong (APPS), semalam.